

# Amaran kepada 16 pelajar tipu Sijil Akaun Rawatan

24 AUG 1988

M.S. 2

B.H.

JOHOR BAHRU, Selasa — Jabatan Pendidikan Johor hanya memberi amaran kepada enam belas pelajar yang terbabit dalam kes menipu Sijil Akaun Rawatan dan Sijil Pengakuan Sakit palsu di sebuah sekolah menengah di sini bulan lalu.

Timbalan Pengarah Dua Jabatan Pendidikan Johor, Haji Abdul Malik Mohd Dom berkata, tindakan itu diambil kerana mereka sudah pun insaf dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan itu.

"Pihak sekolah tidak mengambil tindakan menyingkirkan mereka kerana murid terbabit tidak sedar bahawa tindakan itu adalah kesalahan besar mengikut peraturan sekolah," katanya.

Belliau memberitahu Berita Harian pelajar terbabit sedar bahawa tindakan ponteng sekolah merugikan masa depan mereka.

Berita Harian difahamkan, pelajar itu adalah pelajar tingkatan satu dan dua.

Tindakan yang diambil oleh pihak sekolah berkenaan adalah munasabah dengan mengambil kira usia pelajar terbabit masih muda dan boleh dibimbing untuk berjaya dalam pelajaran.

Haji Abdul Malik berkata jabatannya menerima laporan mengenai kes itu daripada pihak sekolah berkenaan pada 20 Ogos lalu.

"Laporan menyebut seorang daripada pelajar berkenaan menipu pihak sekolah itu dengan menggunakan sijil sakit palsu sebanyak tiga kali manakala pelajar lain menggunakan sijil itu

sebanyak sekali atau dua kali.

"Semua pelajar berkenaan adalah dalam satu kumpulan dan masing-masing berkawan rapat," katanya.

Berita Harian pada bulan lalu melaporkan kegiatan berkenaan terbongkar apabila ibu bapa pelajar terbabit menerima surat daripada sekolah meminta penjelasan sebab anak mereka tidak hadir ke sekolah.

Kumpulan pelajar itu juga dipercayai terbabit dalam menjual Sijil Akaun Rawatan dan Sijil Pengakuan Sakit palsu untuk ponteng sekolah dan menjualnya kepada pelajar lain dengan harga \$1 sekeping.

## Siasatan awal

"Kejayaan sekolah berkenaan membongkar kegiatan pelajarinya yang terbabit dalam kegiatan itu adalah satu kejayaan cemerlang dalam usaha jabatan membanteras masalah disiplin pelajar di negeri ini," katanya.

Setakat ini, katanya, tidak ada sekolah lain yang terbabit dengan kegiatan itu.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Johor, Dr Gurbaksh Singh berkata: "Siasatan mengenai kes itu masih diteruskan dan mengambil masa."

Bagaimanapun, Dr Gurbaksh tidak menolak kemungkinan adanya kakitangan jabatannya terbabit dalam kegiatan menjual sijil sakit palsu itu.